


# Pakar gigi beri anugerah kepada pelajar terbaik NUS jurusan pergigian



**BERI SUMBANGAN:** Dr Rashid Tahir tidak teragak-agak menaja satu anugerah bagi pelajar terbaik jurusan pergigian kanak-kanak dalam peperiksaan akhir Sarjana Pembedahan Gigi selepas mendapat tahu belum ada pihak yang tampil menaja sebarang anugerah. – Foto NUS

▶ **ERVINA MOHD JAMIL**  
ervinamj@sph.com.sg

SEKITAR 20 tahun lalu, beliau menerima anugerah apabila selesai menjalani latihan pakar di Institut Pergigian Eastman di London kerana tampil sebagai pelajar siswazah terbaik dalam bidang pergigian kanak-kanak.

Kini, pakar pergigian kanak-kanak dan pemilik klinik The Kids Dentist, Dr Rashid Tahir, pula yang menaja satu anugerah.

Anugerah yang dinamakan *Rashid Tahir The Kids Dentist Medal and Prize* itu diberikan kepada pelajar terbaik jurusan pergigian kanak-kanak dalam peperiksaan akhir Sarjana Pembedahan Gigi.

Anugerah itu diberi kepada seorang pelajar setiap tahun.

Penerima mendapat sebuah pingat emas dan wang tunai \$1,000.

“Apabila saya dapat tahu bahawa kohort pertama pelajar siswazah pergigian kanak-kanak di NUS akan selesai menjalani program mereka dan belum ada anugerah yang ditaja, saya mengambil peluang ini untuk menyumbang.

“Saya fikir baik kalau dapat menganugerahkan pelajar terbaik secara keseluruhan dengan pingat dan sejumlah wang.

“Ini juga akan menjadi dorongan bagi kohort pelajar seterusnya untuk meraih kecemerlangan dalam bidang pergigian kanak-kanak ini,” katanya.

Dr Rashid memberitahu *Berita Harian* anugerah yang diterimanya kira-kira 20 tahun lalu itu ditaja oleh 3M dan beliau menerima sijil serta hadiah wang tunai.

Tambahnya, anugerah itu amat bererti baginya dan turut mendorongnya untuk terus menimba ilmu dan mencari cara memperbaiki amalannya dalam bidang pergigian kanak-kanak.

Menurutnya, beliau juga gembira pihak universiti sudi menerima sumbangannya dan beliau berharap dapat terus menyumbang kepada anugerah ini bagi mendorong generasi pakar pergigian kanak-kanak seterusnya di Singapura.

“Saya harap antara pelajar terbaik dalam bidang pergigian akan menjalani latihan dan meraih pengkhususan dalam bidang pergigian kanak-kanak.

“Saya juga harap pelatih saya akan melakukan yang terbaik untuk belajar bagaimana untuk menjaga kesihatan gigi kanak-kanak di Singapura,” ujarnya.

Dr Rashid yang sudah menjadi pakar doktor gigi kanak-kanak selama sekitar 20 tahun juga merupakan pakar pergigian pertama Singapura yang dilantik menerajui Persatuan Pergigian Pediatrik Asia (PDAA) pada 2016.

Selain mengendalikan klinik gigi khas bagi kanak-kanak, The Kids Dentist, di Pusat Perubatan Camden, beliau juga mengajar di NUS sebagai profesor madya adjung di fakulti pergigian.